

Ruj. Kami : PMM.LI.600-6/1 (13 -L)

Tarikh : 31 Januari 2013

KEPADA SESIAPA YANG BERKENAAN

Tuan/Puan,

PROGRAM LATIHAN INDUSTRI PELAJAR-PELAJAR POLITEKNIK MERLIMAU BAGI SESI JUN 2013

Merujuk kepada perkara di atas, secara rasminya dimaklumkan bahawa pemohon adalah seorang pelajar Politeknik Merlimau yang akan menjalani latihan industri bagi tempoh berikut :

16 Jun 2013 hingga 31 Oktober 2013

(bagi negeri Kedah, Kelantan dan Terengganu)

17 Jun 2013 hingga 01 November 2013


(bagi negeri selain daripada Kedah, Kelantan dan Terengganu)

2. Beliau dikehendaki menjalani latihan industri selama tempoh di atas sebagai salah satu syarat utama penganugerahan Diploma Politeknik. Sebagai maklumat pihak tuan/puan, pelajar kami dilindungi insuran kelompok kemalangan diri sepanjang menjalani latihan tersebut.
3. Sehubungan dengan itu, sukacita sekiranya pihak tuan/puan dapat mempertimbangkan permohonan beliau untuk menjalani latihan industri di jabatan/syarikat tuan/puan. Permohonan pelajar disertakan dengan 'resume' untuk panduan pihak tuan/puan. Keterangan lanjut mengenai proses permohonan boleh diperolehi melalui laman web kami (www.pmm.edu.my). Pihak tuan/puan boleh mendapatkan nombor sambungan terus Pegawai Perhubungan dan Latihan Industri di laman web kami.
4. Sekiranya pihak tuan/puan bersetuju menerima pelajar berkenaan, sila isikan **2 salinan surat jawapan (politeknik/pelajar)** yang dilampirkan ataupun memberi jawapan melalui emel : internship@pmm.edu.my. Surat rasmi daripada Politeknik Merlimau akan dihantar sebulan sebelum pelajar melaporkan diri di jabatan/syarikat tuan/puan. Pelajar kami berjanji tidak akan memohon tempat latihan lain dan bersabar menunggu jawapan daripada pihak tuan/puan dalam tempoh 2 (dua) minggu daripada tarikh permohonan ini diterima.
5. Kami mengucapkan terima kasih di atas pertimbangan pihak tuan/puan untuk turut serta di dalam program latihan industri pelajar-pelajar Politeknik Merlimau, Melaka.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,

**(MOHAMAD HALIM BIN IBRAHIM)**

Ketua Unit Perhubungan dan Latihan Industri

b.p Pengarah

Politeknik Merlimau, Melaka.

POLITEKNIK MERLIMAU

Kementerian Pengajian Tinggi, KB 1031, Pejabat Pos Merlimau, 77300 Merlimau, Melaka.

Tel : 06-2636687 Faks : 06-2636678 Emel : internship@pmm.edu.mywww.pmm.edu.my